

29 AUG 1996

TIME TELECOM YAKIN RAIH PULANGAN DPD PELABURAN RM60 JUTA 9 TAHUN LAGI

LABUAN, 29 Ogos (Bernama) -- Time Telecommunications Sdn Bhd yakin syarikat itu mampu meraih pulangan daripada pelaburan sebanyak RM60 juta di Labuan dalam enam hingga sembilan tahun lagi memandangkan pulau itu akan muncul sebagai pusat kewangan yang berjaya.

Pengerusi kumpulan, Datuk Shamsir Omar berkata Hotel Sheraton Labuan terletak berhampiran jalan dari Ujana Kewangan Labuan, telahpun bersetuju untuk mendapatkan perkhidmatan telekomunikasi.

"Pelanggan pertama kami telahpun mendapat perkhidmatan itu pada Selasa lalu," katanya kepada pemberita bersempena perasmian ujana tersebut dan Pesta Labuan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Datuk Shamsir berkata Time Telecom melancarkan perkhidmatan telekomunikasinya di Labuan untuk menampung keperluan pusat berwibawa yang memerlukan perkhidmatan telekomunikasi bermutu tinggi, canggih dan termaju.

Pelaburan Time Telecom yang sebanyak RM60 juta di Labuan dalam prasarana telekomunikasi termasuklah pelancaran stesen buminya di Kampung Sungei Beduan, perletakan kabel gentian optik sepanjang 21 km dari stesen bumi ke Ujana Kewangan dan mendirikan sebuah pejabat di Victoria Town.

Stesen bumi itu, yang menggunakan perkhidmatan satelit Pan-Am, akan memudahkan peruntukan perkhidmatan talian sewa serta sebagai sokongan kepada kabel gentian optik untuk perkhidmatan suara.

Datuk Shamsir berkata pelaburan syarikat tersebut di Labuan juga menandakan kesungguhan Time Telecom sebagai pemaju prasarana telekomunikasi serta perkhidmatan bagi memperluaskan perkhidmatannya meliputi ke seluruh negara.

Time Telecom yang mengharungi tempoh yang tidak menentu apabila kerajaan mencadangkan penyelarasan syarikat perkhidmatan telekomunikasi, setakat ini telahpun melabur sebanyak RM2 bilion untuk mengadakan rangkaian pemancaran gentian optik yang lengkap, tambahannya.

Tumpuan segera syarikat itu ialah memperluaskan pangkalan pelanggannya untuk perkhidmatan talian tetap dan memperluaskan liputan rangkaian ke seluruh pelusuk negara yang diduduki manusia.

Sementara itu, pengarah urusan Time Telecom, Robert Harvey berkata syarikatnya menyediakan perkhidmatan kepada 80 hingga 90 syarikat di serata negara dan kini mempunyai 6,000 tempahan yang berhasrat mendapatkan perkhidmatan dari syarikat terbabit. -- BERNAMA

JSM MA/sia